

POWER!

pengurusan wang ringgit anda

Diterbitkan oleh:



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
Aras 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
Faks : 03-2616 7601 E-mel: enquiry@akpk.org.my

© AKPK
Edisi Pertama 2011

Hak cipta buku ini adalah milik Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Buku ini atau mana-mana bahagiannya boleh diterbitkan semula, diterjemahkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk dengan mendapat izin bertulis terlebih dahulu daripada AKPK dan hanya untuk tujuan pendidikan. Tiada sebarang bentuk keuntungan kewangan boleh diperolehi, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung daripada penerbitan semula seperti di atas.

ISBN 978-983-44004-3-9

Penafian:

Maklumat yang terkandung di dalam buku ini bertujuan untuk pendidikan semata-mata. Maklumat tersebut bukanlah pengganti kepada nasihat atau saranan yang mungkin anda terima daripada penasihat kewangan profesional.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menafikan sebarang liabiliti kepada mana-mana pihak yang menggunakan maklumat di dalam buku ini sebagai asas untuk membuat sebarang keputusan atau tindakan.

Walaupun segala usaha telah dibuat untuk memastikan ketepatan maklumat di dalam buku ini, AKPK mengharapkan pemahaman anda sekiranya terdapat sebarang kesilapan atau kekurangan.

Nama dan maklumat individu yang terkandung di dalam kisah benar telah diubah bagi melindungi identiti mereka.



Bab

6

MENGURUS
HUTANG
ANDA



Hutang memainkan peranan penting dalam kehidupan kita. Kebanyakan daripada kita tidak mampu membeli semua keperluan yang dikehendaki secara tunai, oleh itu kita perlukan hutang untuk membolehkan kita membeli aset seperti rumah dan kereta.

Jika digunakan secara bijak, hutang boleh menjadi alat yang berguna untuk membantu mencapai matlamat kewangan anda. Jadi, hutang bukan semestinya sesuatu yang tidak baik kerana ia membolehkan anda memiliki apa yang diinginkan dengan lebih cepat dan selesa.

Walau bagaimanapun, jika anda mengambil hutang dengan cara berlebihan, anda mungkin akan menghadapi kesulitan untuk membayarnya dan ini boleh mendatangkan masalah kewangan kepada anda. Oleh sebab itu, adalah penting untuk mengurus hutang secara bijak dan hidup dengan jumlah hutang yang mampu diurus.

Mempunyai hutang yang terurus bermakna anda hidup mengikut kemampuan dan tidak melebihi batasan komitmen kewangan anda. Ingat, pengurusan hutang yang baik membantu anda mencapai matlamat kewangan dengan lebih cepat dan sebaliknya pengurusan hutang yang lemah memberikan kesan negatif terhadap kehidupan anda.

MENGAPAKAH ANDA HARUS MENGURUS HUTANG SECARA BIJAK?

Anda hanya perlu sedikit dorongan serta disiplin untuk mengurus hutang dengan bijaksana. Berikut adalah kebaikan mengurus hutang secara efektif:

1 Pengurusan aliran tunai yang lebih baik

Jika anda berjaya mengawal hutang pada tahap yang terkawal, anda akan mempunyai lebih wang untuk tabungan dan seterusnya mempunyai kedudukan aliran tunai yang positif

Memiliki aliran tunai yang positif adalah perlu kerana anda mempunyai dana berlebihan untuk membantu membina tabung kecemasan, mengurangkan hutang dan juga boleh memanfaatkan peluang pelaburan yang baik

Aliran tunai positif boleh dicapai sekiranya anda mempunyai bajet dan memantaunya dengan baik

2 Pengurusan kekayaan yang lebih baik

Sebahagian besar proses membina kekayaan memerlukan anda membuat keputusan bijak mengenai hutang. Melalui pengurusan hutang yang bijak, anda mengurangkan liabiliti sambil meningkatkan kedudukan nilai harta bersih. Semua ini secara efektif akan membawa kepada pengurusan kekayaan yang lebih baik

3

**Mengelak
bayaran lewat
dan caj penalti**

Jadilah seorang pembayar hutang yang berhemah! Lebih cekap anda mengurus hutang, maka lebih banyak penjimatan faedah dan caj lain yang anda peroleh

Ambillah langkah pertama dengan membayar hutang anda mengikut jadual

4

**Mengurangkan
kos pinjaman**

Anda boleh melangsaikan hutang dengan cepat jika mengurus hutang secara bijak dan sentiasa memantaunya. Lebih cepat anda melangsaikan hutang lebih banyak penjimatan kos faedah anda peroleh

5

**Meningkatkan
kedudukan
kredit**

Pengurusan hutang yang bijak akan membantu anda membina rekod kredit yang lebih baik bagi memudahkan anda mengambil pinjaman di masa hadapan. Ini adalah kerana rekod pembayaran anda akan dijejak melalui Biro Kredit BNM (maklumat lanjut dijelaskan di penghujung bab ini)

Setiap kali anda meminjam daripada Institusi Kewangan Berlesen, semua hutang dan rekod pembayaran anda akan dicatatkan. Oleh itu, sekiranya anda pernah terlewat atau gagal menjelaskan pinjaman, ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memperoleh pinjaman di masa hadapan

6

Mengelakkan gangguan atau tindakan undang-undang

Untuk mengelak tindakan undang-undang, pastikan anda membayar ansuran bulanan tepat pada masanya. Anda perlu sedar bahawa jika anda tertinggal atau tidak membayar ansuran mengikut jadual, kedudukan kredit anda akan terjejas dan si pemiutang akan mencari atau menghubungi anda

7

Hubungan keluarga yang lebih baik

Semakin cekap anda menguruskan hutang, semakin baik hubungan anda dengan ahli keluarga. Sering kali pertelingkahan atau salah faham yang berlaku antara ahli keluarga adalah berpunca daripada masalah kewangan

Pengurusan hutang yang baik akan mengeratkan hubungan anda dengan keluarga serta kawan dan rakan sekerja

Ini pasti memupuk suasana yang lebih harmonis di rumah sambil meningkatkan produktiviti di tempat kerja



Perkahwinan dan hutang

Jika anda bakal mendirikan rumah tangga, adalah dinasihatkan anda dan pasangan berbincang terlebih dahulu tentang hutang yang sedia ada dengan sikap terbuka dan jujur. Anda berdua perlu memutuskan bagaimana hendak mengurus hutang ini, sama ada secara bersama ataupun berasingan. Sebaik-baiknya berbincanglah

tentang komitmen kewangan anda sebelum mendirikan rumah tangga untuk mengelakkan sebarang salah faham di masa hadapan.

Adalah penting juga untuk berbincang tentang bajet perkahwinan. Ramai pasangan bercita-cita ingin mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran dan cenderung untuk berbelanja secara berlebihan dan akhirnya menanggung hutang yang banyak. Anda dinasihatkan supaya merancang majlis perkahwinan mengikut kesesuaian bajet anda.

Hutang belanja perkahwinan yang banyak boleh menjejaskan kesejahteraan rumah tangga dan boleh menimbulkan pertelingkahan. Adalah lebih berhemat jika wang yang anda rancang untuk perbelanjaan perkahwinan secara besar-besaran itu digunakan untuk bayaran pendahuluan rumah baru anda.

Semakan kewangan

Menyediakan bajet dan pelan perbelanjaan bulanan serta menjejak perbelanjaan dengan menggunakan penyata aliran tunai merupakan suatu amalan yang sihat. Dalam konteks ini, nilai harta bersih keluarga anda juga perlu dipantau selalu sekurang-kurangnya setahun sekali.

Anda dan pasangan hendaklah selalu mengkaji komitmen perbelanjaan isi rumah dan kedudukan nilai harta bersih. Jadikan ini suatu amalan bulanan yang dilakukan dalam suasana penuh keceriaan. Berbincang secara positif dan cari idea kreatif serta bernas dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan anda dan keluarga.



APA YANG MENYEBABKAN HUTANG BERLEBIHAN?

Anda dikatakan telah berhutang secara berlebihan jika beban hutang anda terlalu berat untuk ditanggung. Dalam keadaan ini mungkin pendapatan anda tidak mencukupi dan terpaksa menggunakan tabungan atau pelaburan untuk membayar hutang anda.

Tamak

Salah satu punca utama yang menyebabkan keadaan hutang berlebihan adalah sifat tamak. Mahatma Gandhi pernah berkata, "*Earth provides enough to satisfy every man's need, but not every man's greed!*" Maksudnya, sumber di muka bumi ini sememangnya mencukupi untuk memenuhi keperluan setiap manusia, tetapi tidak mencukupi untuk memuaskan ketamakan mereka.

Ada orang yang terlalu tamak sehingga mudah terpengaruh dengan skim cepat kaya dan berkesudahan dengan kerugian besar. Lebih teruk lagi, ada di kalangan mereka yang sanggup menggunakan pinjaman untuk melabur dalam skim penipuan tersebut dan terperangkap dalam belunggu hutang yang lebih besar.

Gaya hidup

Ada orang yang hidup mewah dengan membeli barangan mahal padahal mereka tidak mampu. Mereka merasakan adalah penting mengekalkan imej mereka mengikut tanggapan orang lain. Orang dalam kategori ini sentiasa menggunakan kad kredit untuk perbelanjaan mereka dan hanya membuat bayaran minimum setiap bulan. Mereka berhutang secara berlebihan kerana mengamalkan hidup di luar kemampuan mereka.

Keadaan tidak diduga

Tidak kurang juga, ada orang yang terpaksa berhutang disebabkan oleh peristiwa yang tidak dapat dielakkan. Mungkin anda telah mengambil langkah sewajarnya untuk meminjam mengikut had kemampuan tetapi keupayaan membayar balik hutang boleh terjejas jika berlaku peristiwa di luar kawalan anda. Peristiwa ini adalah seperti kehilangan pekerjaan, hilang upaya, menghadapi penyakit kritikal atau lain-lain bentuk kecemasan.

Malangnya, ada orang yang masih tidak menyedari bahawa mereka sebenarnya mengalami masalah kewangan tetapi berterusan menafikannya dan menjadikan situasi mereka bertambah buruk hari demi hari.



Selalu berwaspada

Usia : 29 tahun
Pekerjaan : Pengurus Jualan
Status Perkahwinan : Berkahwin

Allen telah menjalani kehidupan yang selesa sebagai seorang pengurus jualan dengan pendapatan 4 angka. Dia juga pandai mengurus kewangannya dan selalu berbelanja secara berhemat. Hidupnya tiba-tiba berubah apabila dia telah diberhentikan kerja oleh majikannya yang terpaksa menutup operasi akibat kemelesetan ekonomi.

Walaupun telah mencuba pelbagai cara, Allen masih belum mendapat pekerjaan. Keadaan Allen sememangnya terdesak kerana terpaksa menanggung kos rawatan perubatan ibunya yang sedang tenat. Isterinya pula tidak boleh bekerja kerana terpaksa menjaga ibunya. Oleh kerana Allen tidak ada saudara mara yang boleh membantu, dia terpaksa bersendirian dalam mengurus segala perbelanjaan menyara keluarganya.

Kerana terdesak memerlukan wang, Allen mula menggunakan pinjaman peribadi dan kad kreditnya untuk memastikan semua keperluan ibu dan isterinya terjaga. Kedudukan kewangan Allen mula tergugat apabila dia tidak mampu lagi membuat bayaran balik pinjaman peribadi serta membuat bayaran minimum bagi 3 kad kreditnya.

Lama kelamaan, hutang terkumpul Allen telah mencecah RM150,000. Allen mula menerima surat guaman dan diancam dengan tindakan kebangkrapan. Allen menjadi takut dan mula membuat kerja sambil untuk membayar balik hutangnya.

Oleh kerana pendapatannya masih tidak mencukupi, Allen terpaksa 'ikat perut' bagi memastikan dia mempunyai wang yang cukup untuk membeli ubat ibunya. Apabila keadaan menjadi genting, barulah dia mendapat tahu akan kewujudan AKPK. Akhirnya Allen memutuskan untuk memohon bantuan AKPK bagi meringankan bebanan hutang yang ditanggungnya.

BEBERAPA TANDA MASALAH KEWANGAN

Kad Kredit

- Membayar baki minimum sahaja setiap bulan
- Baki tertunggak meningkat setiap bulan
- Menggunakan kad pada had maksimum
- Kerap mengambil pendahuluan wang tunai
- Tidak membayar atau lewat membuat bayaran
- Kad kredit dibatalkan oleh pihak bank

Pinjaman

- Kerap kali menggunakan overdraf atau kemudahan pinjaman automatik daripada akaun semasa
- Menerima notis bayaran daripada pemiutang kerana tidak membayar hutang
- Gagal mendapat pinjaman kerana laporan kredit tidak memuaskan
- Meminjam wang daripada keluarga atau kawan untuk membayar hutang
- Kerap kali dihubungi oleh pihak pemungut hutang

Simpanan

- Menggunakan simpanan pada kadar yang membimbangkan
- Mempunyai sedikit ataupun tiada langsung simpanan untuk menangani perbelanjaan kecemasan

Perbelanjaan

- Hidup semata-mata bergantung pada pendapatan bulanan
- Bergantung kepada kerja sampingan, kerja lebih masa, komisen atau bonus untuk membiayai sara hidup
- Tidak mengetahui berapa banyak hutang sehinggalah penyata diterima
- Kerap kali bertengkar dengan pasangan mengenai wang

Apakah akibat tidak membayar hutang?

Kegagalan membayar ansuran pinjaman atau hutang kad kredit boleh membawa padah buruk. Apabila anda gagal menjelaskan sesuatu pinjaman, institusi kewangan akan mengambil tindakan mahkamah terhadap anda.

Sekiranya pinjaman itu adalah pinjaman kereta, institusi kewangan akan menarik balik dan menjualkan kereta tersebut. Jika ianya pinjaman perumahan, institusi kewangan akan merampas rumah tersebut dan melelongnya. Seandainya hasil lelongan tidak mencukupi untuk menjelaskan hutang sepenuhnya, institusi kewangan akan mengambil tindakan terhadap anda (dan/atau penjamin, jika ada) untuk menuntut baki hutang.

Bagi pinjaman tanpa cagaran, institusi kewangan mempunyai beberapa pilihan untuk melaksanakan penghakiman yang diperoleh untuk mendapatkan semula hutang mereka. Ini termasuk perintah rasmi rampasan dan jualan, saman prosiding 'garnishee', saman penghutang penghakiman dan petisyen kebankrapan ke atas peminjam (dan/atau penjamin, jika ada). Buat masa ini petisyen kebankrapan hanya boleh dimulakan sekiranya jumlah hutang terkumpul telah mencecah RM30,000 ke atas.

Sekiranya anda telah diisytiharkan bankrap, terdapat banyak sekatan dari segi undang-undang yang akan dikenakan. Pada umumnya anda tidak boleh melakukan perkara berikut:

- Memegang apa-apa jawatan awam tanpa kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Insolvency Malaysia (KPJIM)
- Meneruskan sebarang tindakan mahkamah tanpa izin KPJIM
- Meninggalkan negara tanpa perintah mahkamah atau kebenaran KPJIM
- Menjadi pengarah syarikat atau menjalankan perniagaan atau terlibat dalam pengurusan syarikat tanpa kebenaran mahkamah atau KPJIM
- Melibatkan diri dalam pengurusan syarikat atau menjadi pekerja di syarikat yang dimiliki oleh pasangan atau saudara terdekat dan pasangan mereka
- Menjadi ahli jawatankuasa mana-mana badan yang berdaftar
- Tidak boleh membuat sebarang pinjaman melebihi RM1,000 tanpa memaklumkan kepada pemiutang tentang status kebangkrupan

Jika anda gagal membuat bayaran ke atas pinjaman, dapatkan nasihat dengan segera. Jangan tunggu sehingga masalah berlarutan dan tidak terkawal. Lebih cepat anda mendapatkan bantuan, semakin mudahlah untuk menyelesaikan masalah anda.



APA YANG PERLU DILAKUKAN JIKA ANDA MEMPUNYAI HUTANG TIDAK TERKAWAL?

Akui. Analisis. Ambil tindakan

Berikut adalah 3 langkah yang boleh anda gunakan untuk menangani masalah hutang tidak terkawal.

1

Akui anda mempunyai masalah hutang tidak terkawal

- Jangan menafikannya. Mengaku bahawa anda mempunyai masalah terutamanya jika anda sedang mengalami beberapa tanda yang dibincangkan di awal bab ini
- Jangan menambahkan lagi hutang. Ini termasuk membeli barangan dan perkhidmatan menggunakan kad kredit anda

2

Analisis situasi untuk menilai kedudukan kewangan anda

- Kemas kini semua penyata pinjaman anda untuk mengetahui jumlah hutang yang sebenarnya
- Bandingkan jumlah pembayaran balik hutang dengan pendapatan anda
- Bayar balik hutang anda mengikut keutamaan. Bayar pinjaman dan hutang tertunggak dengan kadar faedah yang tinggi terlebih dahulu

3

Ambil tindakan segera untuk membetulkan keadaan

- Sediakan bajet, sekiranya anda masih belum berbuat demikian. Bajet anda mesti mengambil kira semua pembayaran bulanan dalam senarai perbelanjaan anda
- Pertimbangkan untuk menggunakan tabungan atau menjual aset pelaburan bagi mengurangkan hutang
- Kurangkan perbelanjaan anda
- Berusaha untuk meningkatkan pendapatan, contohnya dengan membuat kerja sambilan
- Berunding dengan institusi kewangan untuk memohon penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman yang bersesuaian dengan kedudukan aliran tunai anda
- Dapatkan bantuan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) jika institusi kewangan tidak dapat membantu anda

Terdapat beberapa organisasi yang boleh dihubungi sekiranya anda memerlukan bantuan dan nasihat. Walau bagaimanapun, anda perlu mengambil langkah proaktif seperti yang diterangkan untuk menyelesaikan masalah termasuklah berbincang dengan pihak institusi kewangan anda.

AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

AKPK ditubuhkan oleh BNM dengan visi “*amalkan pengurusan kewangan berhemat sebagai budaya hidup*”. Ia bertujuan untuk memastikan warga Malaysia hidup dengan mempunyai kemahiran pengurusan kewangan yang baik dan hutang yang terkawal.

AKPK menawarkan 3 jenis perkhidmatan percuma kepada individu untuk membantu menguruskan kewangan dengan lebih baik:

- Program pendidikan kewangan mengenai penggunaan kredit dan asas pengurusan wang termasuklah petua menggunakan kredit secara bertanggungjawab
- Kaunseling dan nasihat mengenai pengurusan kewangan, membuat penilaian mendalam mengenai masalah kewangan dan cara untuk mengatasinya
- Program Pengurusan Kredit (PPK), di mana peminjam dan AKPK bekerjasama untuk menyediakan pelan penstrukturan/ penjadualan semula pinjaman melalui rundingan dengan institusi kewangan

Untuk layak mendapatkan perkhidmatan PPK, individu perlu memenuhi kriteria berikut:

- Tidak mampu menguruskan tanggungan hutang
- Mempunyai pinjaman daripada institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM
- Mempunyai jumlah pinjaman tidak melebihi RM2 juta
- Mempunyai sumber pendapatan yang positif selepas menolak perbelanjaan
- Tidak berada di peringkat tindakan undang-undang yang telah lanjut
- Tidak diisytiharkan sebagai bankrap



Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang AKPK, sila layari laman web www.akpk.org.my

LAMAN INFORMASI DAN KHIDMAT NASIHAT BNM (BNMLINK)

Ini adalah saluran penting BNM untuk berhubung dengan orang ramai. Ia berperanan sebagai pusat perhubungan untuk memudahkan maklum balas yang cepat dan cekap kepada orang ramai dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berhubung dengan perkara berkaitan dengan sektor kewangan.



Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang BNMLINK di www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm

BIRO PENGANTARAAN KEWANGAN (BPK)

BPK adalah sebuah badan bebas yang ditubuhkan bagi membantu menyelesaikan aduan, pertikaian atau tuntutan di antara anda dengan penyedia perkhidmatan kewangan anda. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang tidak dipertimbangkan oleh BPK termasuk:

- Penentuan harga umum
- Dasar produk dan perkhidmatan
- Keputusan kredit
- Kes yang melebihi had masa 6 tahun
- Kes yang telah dibawa atau dirujuk ke mahkamah



Maklumat lanjut tentang
BPK boleh didapati di
www.fmb.org.my



BIRO KREDIT

Biro Kredit BNM mengumpul maklumat kredit peminjam, termasuk individu peribadi, perniagaan (perniagaan milik tunggal dan perkongsian), syarikat dan entiti kerajaan, dan menyalurkan semula maklumat tersebut kepada pihak institusi kewangan.

Setiap kali anda memohon pinjaman baru, institusi kewangan akan membuat rujukan berhubung dengan status kredit anda melalui Biro Kredit. Maklumat ini akan digunakan bagi tujuan meluluskan pinjaman anda ataupun sebaliknya melalui Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat atau Central Credit Reference Information System (CCRIS).

Anda dinasihati mendapatkan salinan laporan CCRIS untuk mengetahui rekod pembayaran anda sama ada ianya teratur, tertunggak atau lewat bayar. Adalah berbaloi jika anda membuat bayaran mengikut jadual kerana ini akan tertera di dalam laporan kredit anda.



Maklumat lanjut tentang
BIRO KREDIT boleh didapati di
<http://creditbureau.bnm.gov.my>





Rumusan **POWER!**

- **Berbincanglah tentang tanggungan hutang dengan pasangan sebelum mendirikan rumah tangga**
- **Sentiasa mempunyai hutang yang terkawal dan jangan melebihi komitmen kewangan anda**
- **Ambil tindakan segera apabila anda menghadapi keadaan hutang tidak terkawal**
- **Hutang berlebihan mungkin disebabkan oleh sifat tamak, gaya hidup atau keadaan yang tidak dapat dielakkan**
- **Kegagalan membayar pinjaman akan memberi kesan negatif kepada laporan CCRIS dan ianya akan menjejaskan kelayakan pinjaman masa depan**
- **Kegagalan membayar pinjaman boleh membawa padah buruk termasuk kebangkrapan**



Senarai semakan

- Adakah anda tahu jumlah keseluruhan hutang semasa anda?
- Adakah anda berupaya membayar semua ansuran bulanan anda dengan selesa dan tepat pada masanya?
- Pernahkah anda tertinggal atau tidak membayar mana-mana bil anda?
- Sudahkah anda berbincang tentang kedudukan kewangan dengan pasangan atau keluarga anda?
- Sudahkah anda mengambil salinan laporan CCRIS terkini?

PENILAIAN DIRI

1. Pengurusan hutang yang baik membolehkan kita _____
 - a. mengukuhkan kedudukan aliran tunai
 - b. menjelaskan hutang dengan lebih cepat
 - c. mengelak gangguan atau tindakan undang-undang
 - d. kesemua di atas

2. Yang manakah antara berikut akan memberi kesan negatif terhadap kedudukan kredit anda?
 - a. Tidak membayar ansuran mengikut jadual
 - b. Membayar bil sepenuhnya sebelum tarikh matang
 - c. Sentiasa membuat bayaran minimum kad kredit
 - d. Memiliki 3 kad kredit

3. Berikut adalah tanda awal yang boleh menyebabkan masalah kewangan, KECUALI:
 - a. Sedikit atau tiada langsung simpanan
 - b. Seringkali membuat pengeluaran tunai
 - c. Hidup mengikut kemampuan
 - d. Mengharapkan gaji untuk menampung perbelanjaan bulanan

4. Berikut adalah langkah susulan yang boleh diambil oleh seseorang bagi mengawal masalah kewangan:
 - a. Berbincang semula dengan institusi kewangan tentang syarat pinjaman dan mengemukakan pelan pembayaran balik yang bersesuaian dengan aliran tunai
 - b. Mempertimbangkan penggunaan wang simpanan atau mencairkan aset tertentu untuk mengurangkan hutang
 - c. Mulakan usaha menambah pendapatan seperti membuat kerja sambilan
 - d. Kesemua di atas

5. Yang manakah diantara berikut TIDAK BENAR berkenaan dengan seseorang yang telah diisytiharkan bankrap?
- Tidak boleh menjadi pengarah syarikat
 - Tidak boleh bekerja di mana-mana organisasi
 - Dilarang keluar negara tanpa kebenaran dari Ketua Pengarah Jabatan Insolvensi Malaysia
 - Tiada di atas
6. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) menyediakan kesemua perkhidmatan berikut, KECUALI:
- Memberi pinjaman kepada mereka yang mengalami masalah kewangan
 - Kaunseling kewangan dan khidmat nasihat
 - Program pendidikan kewangan tentang pengurusan kewangan yang bijak
 - Menyediakan perkhidmatan program pengurusan kredit
7. Anda boleh mengetahui kedudukan kredit anda melalui laporan kredit (CCRIS) di Bank Negara Malaysia. Akronim 'CCRIS' ini merujuk kepada:
- Corporate Credit Reference Inquiry System
 - Current Corporate Reference Inquiry System
 - Central Credit Reference Information System
 - Central Corporate Reference Information System